



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)
Agensi Kementerian Pembangunan Luar Bandar

KENYATAAN SEBUT HARGA

(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal bumiputera yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

**CADANGAN PEROLEHAN BAGI PERKHIDMATAN LANGGANAN *CONTENT FILTERING*
DI IBU PEJABAT MARA DAN PUSAT PENTADBIRAN MARA**

NO. SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TEMPOH PENJUALAN DOKUMEN	HARGA SENASKHAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP
086/2019/05	210103	18/04/2019 hingga 26/04/2019	RM5.00	07/05/2019 (sebelum 12.00 tengah hari)

2. Pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen :-
- Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
 - Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
- Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan MARA semasa membeli dokumen. MARA berhak menolak permohonan yang pada tanggapan MARA tidak layak.
3. Dokumen sebut harga boleh diperolehi pada waktu pejabat (8.30 pagi - 1.00 ptg, 2.00 ptg - 4.30 ptg) seperti alamat di bawah. Dokumen sebut harga tidak akan dijual selepas tempoh ini.
4. Wakil syarikat adalah TIDAK DIBENARKAN untuk membeli dokumen. Hanya PEMILIK SYARIKAT / PENAMA yang dibenarkan membeli dokumen dengan mengemukakan KAD PENGENALAN DAN SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA sebagai pengesahan. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan mengambil satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.
5. Bayaran dokumen sebut harga boleh dibuat secara WANG POS atas nama MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA). Bayaran boleh dibuat di Kaunter Bayaran MARA, Tingkat 2, Lot 3.09, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur. Wang ini tidak akan dikembalikan.
6. Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.
7. MARA tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. MARA berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
8. Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan No. Sebut Harga dan Tajuk Kerja di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di pejabat :

Pengarah
Bahagian Pengurusan Aset dan Perolehan MARA
Tingkat 2 (Kaunter Tender), Lot 3.15, Ibu Pejabat MARA,
50609 Kuala Lumpur

Pada atau sebelum tarikh tutup sebut harga jam 12.00 tengahari

9. Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup sebut harga tidak akan diterima. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>